

UMS komited sedia ahli akademik kompeten

NST 24.6.2018 2

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan terus menyediakan ahli akademik yang kompeten, membangunkan infrastruktur moden dan menetapkan dasar yang berkesan dalam usaha untuk merangsang pemikiran kritis generasi muda.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata dalam era masa kini, pendidikan tinggi merupakan satu fasa persaingan ilmu yang kian berubah mengikut peredaran zaman.

Oleh itu, katanya, UMS merupakan sebuah universiti yang didedikasikan untuk menghasilkan graduan berkualiti tinggi untuk pasaran tempatan dan global.

"UMS akan terus menyediakan peluang bimbingan dan pembelajaran dalam persekitaran yang menekankan bakat dan inovasi," katanya dalam ucapannya yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rasid Mail.

Beliau berucap demikian dalam Majlis Penutupan "Majlis Suai Mesra" sesi 2018/2019 bagi pelajar-pelajar Program Asasi Sains di Pusat Persiapan Sains dan Teknologi UMS (PPST) kelmarin.

Seramai 312 pelajar telah mendaftar dalam program tersebut yang mana ia merupakan kursus satu tahun sebelum memasuki peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Dengan menegaskan bahawa para pelajar

akan berada dalam keadaan yang baik, Kamarudin menyatakan harapannya agar para pelajar dapat memanfaatkan kemudahan yang tersedia untuk meneruskan pengajian mereka dan pada masa yang sama, mengekalkan kehidupan yang seimbang di kampus.

"Saya menggesa para pelajar untuk merebut peluang ini untuk menikmati kehidupan di kampus; selain daripada membawa transkrip akademik yang cemerlang ke arah persekitaran kerja masa depan anda, aspek lain termasuk penyertaan universiti anda akan membantu meningkatkan keyakinan anda," katanya lagi.

Sementara itu, Pengarah PPST, Prof. Madya Dr. Sazmal Effendi Arshad menegaskan bahawa kehidupan kampus memerlukan pengorbanan dan tekad yang besar yang pastinya akan membangunkan keperibadian dan kecakapan pelajar.

Beliau turut mengingatkan pelajar bahawa program Asasi Sains adalah satu program peralihan, namun itu tidak bermakna pelajar boleh mengambil ringan perkara itu.

"Akan ada cabaran baru untuk anda berdepan di universiti yang berbeza daripada sebelum ini.

"Ingat bahawa tiada kejayaan datang dengan mudah tanpa ketabahan; ia perlu bersama dengan pengorbanan dan semangat berjuang," ujar beliau.

Sehingga kini, seramai 882 bekas pelajar Asasi Sains sedang mengikuti Ijazah Sarjana Muda di kampus UMS manakala 82 lulus dalam Konvokesyen UMS yang ke-19.



TANDAMATA ... Sazmal (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Rasid (tengah).